

ABSTRAK

Pusat Jagaan kanak-kanak berkediaman adalah alternatif jagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak yatim, yatim piatu dan miskin serta mangsa penderaan kanak-kanak dan pengabaian. Kanak-kanak yang di tempatkan di pusat jagaan tersebut adalah kanak-kanak yang di tempatkan secara sukarela atau melalui perintah mahkamah kepada orang yang layak. Pusat jagaan ini juga adalah alternative jagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak selain rumah Kanak-Kanak (RKK) dan Rumah Tunas Harapan (RTH) di bawah Kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kebanyakkannya pusat jagaan ini dikendalikan oleh Pertubuhan Sukarela (NGO'S) dan wajib berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506). Kajian sebelum ini banyak tertumpu kepada isu dan permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak yang tinggal di pusat jagaan tersebut, namun tiada lagi kajian dari perspektif pengendali dilakukan sebelum ini. Kajian ini adalah bertujuan melihat apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengendali dan kefahaman pengendali kepada aspek pematuhan akta dan peraturan itu sendiri. Melalui kajian ini diharap dapat membantu pihak JKM dalam menilai semula akta dan peraturan yang terlibat serta membantu pihak pengendali sebagai penyedia perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak mengambil langkah-langkah yang perlu.

Kata kunci : rumah anak yatim; , anak yatim; pengurusan; pengendali;cabarans; pusat jagaan